

Terus Yakin Dengan Formula Kongsi Kuasa Barisan Nasional – Tengku Adnan Bernama
Mei 25, 2014

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Semua anggota parti komponen Barisan Nasional perlu terus yakin kepada formula pengkongsian kuasa yang BN amalkan semenjak sekian lama, kata Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Menyebut UMNO sebagai contoh, Setiausaha Agung BN itu berkata, parti komponen terbesar BN itu tidak pernah teragak-agak memberi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen, yang mereka sendiri yakini boleh menang, kepada parti komponen, kerana UMNO berpegang teguh kepada konsep konsensus BN.

"BN konsepnya bukan cucuk hidung (parti komponen yang lebih kecil)...segalanya konsensus, semua keputusan konsensus, semua parti mesti terima.

"Kalau ingatkan apa yang berlaku pada PRU (Pilihan Raya Umum) lepas, kerusi kita beri kepada kawan-kawan kita walaupun hampir semuanya merudum, padahal itu kerusi UMNO boleh menang, tapi UMNO percaya pada konsep toleransi dan kongsi kuasa," katanya ketika merasmikan Konvensyen Parti Progresif Penduduk (PPP) Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, Ahad.

Hadir sama di majlis itu ialah presiden PPP Datuk Seri M. Kayveas, naib presiden kanan PPP Datuk Maglin Dennis D'Cruz, pengerusi PPP Wilayah Persekutuan Datuk A. Chandrakumanan dan kepimpinan tertinggi parti yang lain.

Di samping itu, Tengku Adnan, yang juga pengerusi BN Wilayah Persekutuan, menyeru anggota PPP agar lebih agresif mendekati diri dengan rakyat dan menerangkan dasar-dasar kerajaan pimpinan BN yang sering pembangkang putar belitkan.

Beliau berkata, dasar-dasar ini seringkali dimanipulasi oleh pihak pembangkang semata-mata untuk mengabui mata rakyat, dan menyebabkan sokongan terhadap BN semakin berkurangan.

"Dekatkan diri dengan masyarakat kerana parti kita ditubuhkan untuk perjuangkan kepentingan masyarakat tak kira parti apa," katanya.

Selain itu, Tengku Adnan menggesa agar parti komponen itu menguatkan kembali sokongan di peringkat akar umbi sebagai langkah persediaan menghadapi PRU akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1041204>